

Lega JPS bina pagar

SUBANG JAYA – Kerisauan penduduk Pangsapuri Angsana berhubung bahaya yang terdedah kepada kanak-kanak di tebing sungai belakang kediaman dihuni kian reda apabila Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membina pagar di kawasan itu.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh Tseow Suan berkata, penduduk membangkitkan isu berkenaan sebelum ia dipanjangkan kepada pihak JPS Jun lalu.

Katanya, laluan terbuka ke anak sungai berkenaan didapati berbahaya kepada kanak-kanak kecil yang tinggal di pangsapuri Angsana, USJ 1.

“Saya menulis surat kepada JPS Selangor sebelum pihak itu memulakan kerja pemasangan pagar sepanjang 200 meter pada 30 Ogos lalu dengan kos hampir RM20,000, ia siap sepenuhnya 28 September lalu,” katanya.

Hannah berkata, sekiranya pagar tidak dipasang beliau bimbang kanak-kanak bo-



Hannah (kanan) dan ahli majlis MPSJ, Muzammil Hafiz melihat pagar yang dibina JPS di tebing sungai berdekatan Pangsapuri Angsana USJ 1.

leh dihanyutkan sekiranya terjatuh dalam sungai ketika musim hujan.

“Saya gembira JPS memberi maklum balas segera berhubung isu dibangkitkan,” katanya kepada Sinar Harian.